

30 APRIL 2021 (JUMAAT)

Lepas 12.7 juta benih ikan

Bertujuan tambah sumber ikan, jamin bekalan makan mencukupi

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang sudah melepaskan sebanyak 12.7 juta benih pelbagai spesies ikan di perairan di negeri ini dalam tempoh 10 tahun sejak 2010.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, pelepasan benih dilakukan bagi menambah sumber pelbagai spesies ikan selain strategi menjamin bekalan makanan mencukupi.

“Apabila mencapai saiz besar (dewasa) ia menjadi sumber tangkapan nelayan darat (sungai) dan makanan penduduk khususnya di pedalaman yang bergantung kepada perikanan darat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Menurutnya, bagi tahun 2020, sebanyak 573,830 benih ikan dan udang dilepaskan di perairan umum di Pahang seperti sungai, tasik dan estuarium.

Abdullah sebelum ini memaklumkan jabatan itu mengadakan Program Pelepasan Benih Ikan di Sungai Pahang di Kampung Kuala Mai, Temerloh pada Rabu.

Jelasnya, sebanyak 23,300 benih ikan temoleh, baung, ke-rai dan lampam sungai telah dilepaskan di sungai tersebut.

Beliau berharap masyarakat



FOTO: JABATAN PERIKANAN PAHANG

Abdullah (tiga dari kiri) bersama Ketua Kampung Kuala Mai, Zulkefli Ismail (empat dari kiri) dan komuniti nelayan darat melepaskan 23,300 benih ikan di Sungai Pahang di Kampung Kuala Mai, Temerloh pada Rabu.

dapat bersama menjaga dan melindungi sumber perikanan darat supaya kekal lestari.

“Kita tidak mahu masyarakat menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara destruktif seperti menggunakan racun

atau tuba, peralatan elektrik dan bahan letupan.

“Kaedah itu merupakan kesalahan dalam Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) Pahang 1991. Pelaku boleh ditahan, dikompau atau didakwa

di mahkamah,” tegasnya.

Nilai perikanan darat (sungai) bagi negeri Pahang ialah kira-kira RM11.5 juta dengan pendaratan 787 tan metrik bagi tahun 2020 dan merupakan kedua tertinggi di Malaysia.